



14 September 2017
14 September 2017
P.U. (A) 261

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KILANG DAN JENTERA
(PENGECUALIAN PERAKUAN KELAYAKAN BAGI BEJANA
TEKANAN TIDAK BERAPI) 2017

*FACTORIES AND MACHINERY
(EXEMPTION OF CERTIFICATE OF FITNESS FOR UNFIRED
PRESSURE VESSEL) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN PERAKUAN KELAYAKAN BAGI
BEJANA TEKATAN TIDAK BERAPI) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian Perakuan Kelayakan bagi Bejana Tekatan Tidak Berapi) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2017.

Pengecualian

2. Semua bejana tekanan tidak berapi yang dinyatakan dalam Jadual dikecualikan daripada peruntukan yang berikut:

(a) seksyen 19 Akta;

(b) Peraturan-Peraturan (Dandang Stim dan Pengandung Tekatan Tidak Berapi) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 5/1970*]; dan

(c) peraturan 10, 11 dan 12, perenggan 17(b), dan peraturan 19, 25, 28 dan 35 Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*].

Kecualian

3. (1) Apa-apa tindakan, penyiasatan atau prosiding yang dimulakan atau yang belum selesai di bawah peruntukan yang disebut dalam perenggan 2 sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah diteruskan seolah-olah Perintah ini tidak pernah dibuat.

(2) Mana-mana perakuan kelayakan berkenaan dengan bejana tekanan tidak berapi yang dikecualikan di bawah perenggan 2 yang dikeluarkan sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga perakuan kelayakan itu habis tempoh.

JADUAL
BEJANA TEKANAN TIDAK BERAPI

1. Bejana tekanan tidak berapi yang mempunyai tekanan reka bentuk dalaman atau luaran yang tidak melebihi lima belas paun seinci persegi tanpa mengira saiz bejana tekanan tidak berapi itu.
2. Bejana tekanan tidak berapi yang mempunyai diameter dalaman, lebar, tinggi atau pepenjuru keratan rentas yang tidak melebihi enam inci tanpa mengira panjang atau tekanan bejana tekanan tidak berapi itu.
3. Bejana tekanan tidak berapi yang mengandungi air di bawah tekanan yang mempunyai tekanan reka bentuk yang tidak melebihi tiga ratus paun seinci persegi dan suhu reka bentuk yang tidak melebihi sembilan puluh sembilan darjah Celsius.
4. Bejana tekanan tidak berapi dengan dua atau lebih kebuk yang mempunyai tekanan reka bentuk dalaman atau luaran pada setiap kebuk yang tidak melebihi lima belas paun seinci persegi dan tekanan kebezaan antara setiap kebuk yang tidak melebihi lima belas paun seinci persegi tanpa mengira saiz bejana tekanan tidak berapi itu.
5. Bejana tekanan tidak berapi, iaitu komponen paip atau aksesori komponen paip itu yang fungsinya adalah untuk mencampurkan, mengasingkan, menusuk, mengagihkan atau mengawal aliran medium dalam komponen paip atau aksesori komponen paip itu.